



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	30/06/2012

Tun Mahathir tegur Marina

Saran jauhkan diri daripada gerakan antikerajaan dan sedar kesilapan

MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap anaknya, Datin Paduka Marina, tidak meletakkan diri terlalu rapat dengan Bersih 2.0 atau gerakan lain yang anti-kerajaan kerana ia tidak baik bagi dirinya.

Dalam satu wawancara khas bersama The Malaysian Observer (MobTV), Dr Mahathir berkata, beliau tidak bersetuju dengan beberapa perkara yang dilakukan anaknya itu sejak akhir-akhir ini dan berharap Marina se-

dar akan kesilapannya.

Pada Bersih 2.0 tahun lalu dan perhimpunan Bersih 3.0 April lalu, Marina dilihat bersama dengan puluhan ribu demonstran lain menuntut lapan tuntutan yang mahukan pilihan raya umum (PRU) yang bersih dan adil.

"Bersih telah dirampas pemimpin pembangkang. Saya tidak suka beliau meletakkan dirinya dekat dengan gerakan ini.

"Beliau tidak pernah katak-an ini, tapi Bersih dan beberapa gerakan lain didakwa ada kaitan dengan lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT).



MAHATHIR

Dia tidak pernah kata sokong lelaki kahwin lelaki, perempuan kahwin perempuan dan saya harap dia maksudkannya," katanya.

Katanya lagi, Marina per-



MARINA

lu mewujudkan sempadan berkenaan isu LGBT iaitu sejauh mana beliau memberi sokongan kepada golongan itu dalam sebuah negara seperti Malaysia.

"Memang beliau seorang aktivis yang menolong ramai orang, termasuklah-golongan ini, tapi dia perlu jelaskan pendiriannya katanya.

Dr Mahathir turut berharap Marina menyedari apa yang dilakukannya sekarang boleh menjejaskan peluang Datuk Mukhriz, memenangi PRU13 nanti.

"Saya rasa beliau bukan ahli, tetapi beliau perlu lebih sensitif mengenai nasib adiknya," katanya.

Ditanya mengenai spekulasi bahawa Mukhriz bakal dicalonkan menjadi Menteri Besar Kedah sekiranya Barisan

Nasional (BN) berjaya menawan semula negeri itu, Dr Mahathir tegaskan ia terpulung kepada keputusan parti.

Katanya, isyarat bahawa Mulchriz mungkin menjadi calon menteri besar apabila parti memilihnya untuk menjadi calon untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan bukannya calon untuk kerusi Parlimen.

"Saya akan tolong dan menyokong apa yang dilakukan Mukhriz, tetapi segalanya terpulung pada parti. Walaupun beliau tidak dipilih jadi menteri besar, saya akan tetap sokong," katanya.